



## **LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang  
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

### **LAWATAN KERJA RASMI MENGENAI INFRASTRUKTUR JALAN DI PELABUHAN KLANG**

PELABUHAN KLANG, 16 Mac – Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah menerima Lawatan Kerja Rasmi daripada YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, YBhg. Dato' Seri Ahmad Zaki Ansore bin Mohd Yusof (Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri) ke Pelabuhan Klang pada 15 Mac 2017. Turut dihadiri semasa lawatan adalah pihak pengurusan kanan dan pegawai daripada kementerian dan jabatan yang terlibat.

Lawatan Kerja Rasmi tersebut disambut oleh Capt. K. Subramaniam, Pengurus Besar LPK, Encik Shaiful Nazri bin Shaari, Pemangku Penolong Pengurus Besar (Kejuruteraan) LPK dan YBhg. Dato' Chia Kon Leong, Ketua Pegawai Eksekutif Port Klang Free Zone (PKFZ).

Dalam Lawatan Kerja Rasmi tersebut, para delegasi dibawa melawat ke persekitaran Pelabuhan Klang bagi melihat permasalahan infrastruktur jalan khususnya di kawasan Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat dan PKFZ.

Dalam pertemuan selama 1 jam, kesemua pihak berbincang mengenai usaha untuk meningkatkan infrastruktur jalan di Pelabuhan Klang selaras dengan kajian "Logistics and Trade Facilitation Masterplan" di bawah "Cluster 3: Infrastructure & Freight Demand" iaitu "Improve Last Mile Connectivity".

-TAMAT-

